



PELAJAR beratur ketika membeli-belah di Koperasi Stamad yang diiktirafkan sebagai koperasi sekolah pertama di Terengganu mencapai perolehan melebihi RM1 juta. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

## KOPERASI STAMAD CAPAI PEROLEHAN RM1 JUTA

# Umpama *mini market*

Oleh Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

**T**idak bergantung kepada peralatan sekolah semata-mata, sebaliknya bijak mengembangkan perniagaan menjadi faktor Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ahmad Kuala Terengganu Berhad (Koperasi Stamad) di sini, diiktirafkan sebagai koperasi sekolah pertama di Terengganu mencapai perolehan melebihi RM1 juta.

Selain menjual pelbagai barangan sekolah, koperasi yang mula didaftarkan pada

1 Julai 1982 itu turut menjual barangan runcit, pokok bunga, kafe, jualan biskut dan kerepek raya dan mini bazar Ramadan.

Boleh dikatakan, Koperasi Stamad umpama *mini market* yang bukan hanya menjadi tumpuan kakitangan sekolah berkenaan, tetapi kepada masyarakat setempat.

Pengetua SMK Sultan Ahmad, Md Almeida Mohd berkata, Koperasi Stamad memulakan operasi perniagaan dengan mengumpul modal daripada anggota yang terdiri daripada seluruh warga sekolah.

Menurutnya, Koperasi Stamad yang menganggotai Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

(Angkasa) pada 28 Jun 1986 memperoleh dana daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 2020 untuk membina kios berhampiran pagar sekolah.

Katanya, walaupun berlaku beberapa kekangan ketika pandemik Covid-19, tetapi projek kios yang menjual pisang dan kuih muih di pekarangan sekolah lancar beroperasi.

"Pada November 2021, kios koperasi itu memulakan operasi dengan pembukaan kafe diikuti pembukaan kedai runcit pada Mac 2022.

"Untuk menambah pendapatan koperasi, kami berhasrat membuka kios kopi mesin untuk pelajar, guru dan masyarakat setempat.

"Fokus kami bukan hanya untuk pelajar, guru dan warga sekolah, tetapi masyarakat sekitar yang turut membantu menyumbang kepada perolehan yang tinggi.

"Tanpa komitmen daripada ahli yang membantu menguruskan Koperasi Stamad ini, tentunya kami tidak mampu mencapai perolehan ini selain sokongan semua ahli dan masyarakat setempat," katanya.

Menurut Md Almeida lagi, aktiviti keusahawanan yang menguntungkan yang diusahakan koperasi itu termasuk penjualan makanan sejuk beku, barangan keperluan di rumah seperti sabun, pewangi, keperluan dapur dan lain-lain lagi.